

Sinar  
Harian 16/2/2020 M/S 37  
116 nelayan terima  
sumbangan barang dapur

**KEMAMAN** - Seramai 116 nelayan dari Kampung Geliga di sini menerima sumbangan barang dapur.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chukai, Hanafiah Mat berkata, sumbangan itu disampaikan bagi membantu meringankan bebanan golongan itu yang tidak dapat ke laut berikutan musim tengkujuh.

"Kesemua nelayan ini dijemput untuk menerima sumbangan bagi meringankan bebanan mereka.

"Kebanyakan mereka tidak dapat turun ke laut, ada yang hampir seminggu tidak keluar mencari ikan lebih-lebih lagi selepas Tahun Baru Cina ini kerana ombak kuat dan angin agak kencang," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, kos yang dibelanjakan bagi sumbangan barang keperluan dapur itu kira-kira RM10,000.



Hanafiah (duduk di tengah) bersama golongan nelayan yang menerima sumbangan barang dapur berikutan musim tengkujuh.